

Newspaper	Berita Harian
Date	9/10/2012

Tak maklum maklumat salah

BH - 9/10/2012

» Dr M beritahu mahkamah Kementerian Kewangan tak pernah beritahu 6 surat KDSB tidak disertakan maklumat penting

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad memberitahu Mahkamah Tinggi semalam, beliau dimaklumkan bekas Menteri Pengangkutan, Tun Dr Ling Liong Sik, tidak akan didakwa menipu Kabinet berhubung skandal Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) jika polis mendengar keterangannya lebih awal.

Mahathir selaku saksi keempat pembelaan, berkata beliau teringat perkara itu diberitahu kepadanya oleh seorang pegawai polis selepas menandatangani keterangan rakaman percakapannya.

Tak pasti siapa rakam percakapan

Ketika menjawab soalan peguam bela Wong Kian Kheong yang mewakili Liong Sik, Mahathir berkata beliau tidak pasti siapakah antara tiga pegawai polis yang merakamkan percakapannya memberitahunya perkara itu, bagaimana-



Dr Mahathir Mohamad

pun katanya individu terbabit bukan pegawai penyiasat.

Mahathir berkata, selepas beliau mendapat tahu Liong Sik didakwa di mahkamah pada 2010, polis datang menemuinya dan mengambil rakaman percakapannya dua kali di antara penghujung tahun lalu dan awal tahun ini.

Ditanya adakah beliau membuat laporan polis sebelum Liong Sik didakwa di mahkamah, Mahathir menjawab, "Tidak".

Liong Sik membela diri atas dakwaan menipu dengan memperdayakan Jemaah Menteri untuk memberikan persetujuan pembelian tanah di Pulau Indah bagi projek PKFZ mengikut terma dipersetujui antara Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) dan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK).

Liong Sik dituduh tidak mendedahkan kepada Jemaah Menteri fakta berkaitan faedah 7.5 peratus setahun adalah tambahan kepada harga pembelian tanah berasaskan kadar RM25 bagi keluasan 30.48 sentimeter (sm) persegi, iaitu RM1,088,456,000, sedangkan dia tahu Jabatan Penilaian



Liong Sik (tengah) bersama peguamnya ketika menghadiri perbicaraan kes skandal PKFZ di Mahkamah Tinggi Jalan Duta semalam.

[FOTO NIK HARIFF HASSAN/BH]

dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dalam menentukan kadar itu sudah mengambil kira kadar kupon atau faedah.

Sementara itu Mahathir berkata, beliau turut memaklumkan kepada polis jika harga pembelian tanah membatalkan pembayaran balik jangka panjang selama 15 tahun, maka kadar faedah yang dikenakan adalah tidak termasuk dengan harga pembelian tanah terbabit.

Beliau berkata, pegawai Kementerian Kewangan tidak pernah memaklukkannya bahawa enam surat daripada KDSB berhubung pembelian tanah di Pulau Indah dan surat daripada Liong Sik kepa-

danya mengandungi maklumat salah, memesongkan serta tidak menyertakan beberapa maklumat penting.

Katanya, pegawai kementerian juga tidak memberitahunya bahawa harga pembelian tanah RM1.088 bilion adalah harga keseluruhan kos termasuk kadar faedah.

Mahathir berkata, sehingga persaraannya, beliau tidak pernah membuat laporan kepada polis bahawa dirinya, Kabinet dan kerajaan ditipu oleh Liong Sik berhubung pembelian tanah bagi projek PKFZ.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Ahmadi Asnawi bersambung hari ini.